



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

SEMPENA
LAWATAN RASMI KE SEKOLAH TUNAS BAKTI (L) SUNGAI BESI,
KUALA LUMPUR

8 NOVEMBER 2018

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SALUTASI

(Akan disediakan kemudian)

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita semua diberi ruang dan peluang untuk hadir ke Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi pada hari ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas penerangan yang diberikan oleh Pengetua, sebentar tadi berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Sekolah Tunas Bakti (L) Sungai Besi ini.
3. Sesungguhnya tugas untuk memastikan penghuni berada dalam keadaan sejahtera dan memberikan yang terbaik kepada mereka dengan menyediakan persekitaran yang selamat, penjagaan dan pemulihan yang sebaik-baiknya adalah tanggungjawab dan amanah yang mulia, digalas oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

AKTA KANAK-KANAK 2001

Anak-anak dan Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diberi tanggungjawab untuk memberi perlindungan, penjagaan dan pemulihan serta membangunkan salah satu daripada lapan

kumpulan sasar KPWKM iaitu kanak-kanak.

5. Akta Kanak-Kanak 2001 yang dipinda pada tahun 2016, turut memperuntukkan perihal kanak-kanak yang tidak terkawal dan yang berkonflik dengan undang-undang negara hendaklah diberi penjagaan, pemulihan, pembangunan dan pengintegrasian dengan sebaik mungkin.
6. Anak-anak yang dikasihi ini memerlukan bimbingan khusus dan pemantauan berterusan bagi memastikan mereka dapat mengikuti program pemulihan yang bertujuan membantu mereka mengatasi kesilapan yang telah dilakukan.
7. Saya percaya bahawa Tuan Pengetua, dengan kerjasama semua tenaga pengajar, kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan telah menjalankan amanah mereka dengan sebaiknya dalam hal ini.

PROJEK RINTIS YANG DIKENALI SEBAGAI DIVERSION

Anak-anak dan Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. KPWKM sedang dalam proses untuk melaksanakan projek rintis yang dikenali sebagai *Diversion* yang dijangka akan dimulakan pada Tahun 2019.
9. *Diversion* merupakan satu sistem pengalihan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah ringan dan tidak serius daripada sistem kehakiman sedia ada.

Kanak-kanak tersebut akan menjalani modul intervensi yang disediakan khas untuk mereka mengikut jenis kesalahan dan latar belakang kanak-kanak tersebut.

Mengikut model ini, kanak-kanak yang tersabit kesalahan ringan tidak akan ditahan.

Modul intervensi tersebut merangkumi kaunseling, khidmat masyarakat, membayar ganti rugi atau membaik pulih kerosakan yang dilakukan.

Anak-anak dan Para hadirin yang dihormati sekalian,

Kadangkala, kesan buruk dari sudut psikologi yang dihadapi oleh kanak-kanak kerana melalui proses perundangan akibat daripada melakukan kesalahan-kesalahan kecil (minor) adalah lebih teruk daripada kesalahan itu sendiri.

Justeru, inisiatif seperti “Diversion” yang saya nyatakan sebentar tadi perlu dipertimbangkan untuk dilaksanakan sebagai kaedah rehabilitasi alternatif.

10. Saya difahamkan bahawa Sekolah Tunas Bakti adalah merupakan institusi yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 65 Akta Kanak-kanak 2001.

Tujuan penubuhan Sekolah Tunas Bakti adalah untuk memberi pemulihan dan mendidik kanak-kanak dengan membina sikap positif,

membentuk keperibadian yang utuh serta melengkapkan diri dengan keterampilan bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan berintegrasi dalam masyarakat apabila keluar dari institusi kelak.

11. Kanak-kanak atau penghuni yang ditempatkan di institusi di sini memerlukan pemulihan untuk mengubah kisah lampau akibat terlibat dengan kesalahan jenayah seperti bersabit dengan harta benda dan orang, dadah, judi serta memiliki senjata api dan lain-lain.
12. Saya menyeru kepada anak-anak yang dikasihi dan disayangi sekalian, tetapkan niat anda untuk memulihkan diri, tanamkan iltizam untuk berubah menjadi lebih baik demi ibu bapa, keluarga, bangsa dan negara.
13. Saya percaya dan yakin anak-anak ini mampu mengubah nasib mereka menjadi insan atau pemimpin di masa hadapan yang akan menyahut cabaran negara.

STATISTIK JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

Para hadirin sekalian,

14. Berdasarkan statistik JKM, bilangan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah mengikut jantina yang dilaporkan agak membimbangkan dan meningkat setiap tahun.
15. Pada tahun 2016 sebanyak **4,886 kes** telah dilaporkan di mana **4,607 kes** melibatkan kanak-kanak lelaki dan **279 kes** melibatkan kanak-kanak perempuan.

Bilangan kes terus meningkat **11.7%** pada tahun 2017 yang melibatkan kanak-kanak lelaki sebanyak **5,146 kes** dan kanak-kanak perempuan sebanyak **297 kes**.

16. Daripada jumlah kes-kes ini jenis kesalahan yang paling banyak adalah berkaitan dengan dadah sebanyak **36.4%** dan harta benda iaitu sebanyak **31.2%**.

Adalah penting untuk kita mendalami mengapa kanak-kanak boleh terjebak dengan jenayah agar tindakan yang proaktif dapat diambil.

17. Oleh itu, bagi kanak-kanak yang ditempatkan di institusi Sekolah Tunas Bakti, mereka sangat memerlukan rangsangan dan modaliti pemulihan yang berkesan untuk memupuk jati diri yang berdaya tahan.
18. Selaku pelaksana di peringkat operasi di institusi kanak-kanak, peranan dan tanggungjawab dalam menguruskan institusi adalah amat penting.
19. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menggunakan pendekatan terkini demi memastikan program-program kepada kanak-kanak ini sentiasa relevan dan tepat pada masanya dengan penuh rasa tanggungjawab.
20. Saya sedar, berkhidmat di institusi kanak-kanak bukanlah mudah. Banyak cabaran yang ditempuhi dalam mengendalikan kanak-kanak di institusi setiap hari.

Program dan aktiviti untuk kanak-kanak hendaklah diurus sebaik mungkin berdasarkan peraturan dan ketetapan institusi.

21. Setiap pegawai dan kakitangan juga perlu menanamkan nilai-nilai positif dan minat yang mendalam terhadap bidang tugas yang perlu dilakukan.

Ini kerana setiap kanak-kanak yang dipulihkan adalah pemangkin kepada negara.

Memetik Surah Al-Zalzalah ayat 7 mengatakan bahawa “Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah, nescaya dia akan melihat balasanNya.”

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

22. Saya mengharapkan setiap pegawai dan kakitangan institusi kanak-kanak juga dapat menanam semangat bahawa kanak-kanak merupakan satu pelaburan masa depan yang besar buat negara.

Tambahan lagi, masyarakat juga perlu memainkan peranan memberi anak-anak ini peluang kedua dalam kehidupan agar mereka turut menyumbang kepada agenda pembangunan negara.

23. Sebagai kesinambungan kepada usaha ini, saya melihat pihak NGO sebagai ejen pemudah bagi kanak-kanak ini diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

Peranan ini amat penting lebih-lebih lagi apabila kanak-kanak ini meninggalkan institusi JKM.

24. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi yang telah menyediakan pelbagai program untuk memastikan kanak-kanak diberi pemulihan yang sewajarnya. Pencapaian akademik kanak-kanak amat dititikberatkan.
25. Pihak JKM sentiasa memberi sokongan dan motivasi kepada kanak-kanak agar berjaya dalam pelajaran dengan memperoleh keputusan yang cemerlang.

Kejayaan kanak-kanak ini akan diiktiraf oleh jabatan, contohnya melalui Program Aspirasi Gemilang "A" sebagai dorongan kepada kanak-kanak untuk terus cemerlang dalam pelajaran.

26. Saya difahamkan, pada masa ini **terdapat 9 buah institusi kanak-kanak JKM yang menyediakan latihan kemahiran bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 khusus untuk kanak-kanak yang ditempatkan di institusi.**
27. Latihan kemahiran ini bertujuan untuk mempersiapkan kanak-kanak institusi agar mempunyai sijil kemahiran yang diiktiraf industri bagi kebolehpasaran dalam pekerjaan apabila keluar dari institusi kelak.
28. Antara bidang yang telah dilaksanakan adalah jahitan, masakan, bakeri, automotif dan kimpalan. Di samping itu, kanak-kanak juga berpeluang untuk menyambung latihan mereka di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dalam bidang-bidang tertentu melalui kerjasama

antara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan KPWKM. Seterusnya, mereka dapat menggunakan kemahiran yang dipelajari ini sebagai kerjaya pada masa hadapan.

29. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi setinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program lawatan dan turun padang pada hari ini. Semoga apa yang diusahakan akan mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.

Sekian,

Wabillahi Taufikwal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.